



## **PERSEPSI PENGUNJUNG TERHADAP KUBU MARGHERITA SEBAGAI DESTINASI KUNJUNGAN DI KUCHING**

*(Visitors' Perception of Fort Margherita as a Visitor Destination in Kuching)*

Shaik Azahar Shaik Hussain<sup>1</sup>, Athirah Shahira'a Abdullah<sup>1\*</sup>, Alicea Reshca Seblie<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Malaysia

\*Corresponding Author Email: [shahiraathirah997@yahoo.com](mailto:shahiraathirah997@yahoo.com)

Received: 16 Mac 2022 • Accepted: 18 April 2023 • Published: 30 April 2023

### ***Abstract***

*The purpose of this study is to investigate the potential of Fort Margherita, a historic building in Kuching, as a viable visitor destination. The building has garnered varied perceptions from visitors, and the objective of this research is to comprehend these perspectives and develop the site into a noteworthy tourist attraction that can contribute to the growth of the country's tourism sector. To achieve the research objectives, the researcher has employed a quantitative research method, which involved distributing 384 questionnaires to visitors in and around Fort Margherita. The gathered data will be analyzed to gain insights into visitors' perceptions and determine the necessary steps to meet the research objectives effectively. Through this study, the researcher aims to provide valuable information to stakeholders in the tourism industry, such as policymakers, government agencies, and tourism-related businesses. The findings will aid in enhancing the attractiveness of Fort Margherita as a tourist destination, thereby boosting the local economy and contributing to the sustainable development of the region.*

**Keywords:** *Fort Margherita; Historic Building; Visitor Destination; Tourism Sector; Visitor Perception*

### **Abstrak**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji potensi Kubu Margherita, sebuah bangunan bersejarah di Kuching, sebagai destinasi pelancongan yang berpotensi. Bangunan ini mendapat persepsi yang berbeza dari pelawat, dan objektif kajian ini adalah untuk memahami pandangan-pandangan ini dan mengembangkan tapak ini menjadi tarikan pelancongan yang bererti yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan sektor pelancongan negara.

Untuk mencapai objektif kajian, penyelidik telah menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif yang melibatkan pengedaran 384 borang soal selidik kepada pelawat di sekitar Kubu Margherita. Data yang dikumpulkan dianalisis untuk mendapatkan pandangan tentang persepsi pelawat dan menentukan langkah yang perlu diambil untuk mencapai objektif kajian dengan berkesan. Melalui kajian ini, penyelidik bertujuan untuk menyediakan maklumat yang berguna kepada pemangku kepentingan dalam industri pelancongan seperti pembuat dasar, agensi kerajaan, dan perniagaan yang berkaitan dengan pelancongan. Hasil kajian akan membantu meningkatkan daya tarikan Kubu Margherita sebagai destinasi pelancongan, dengan itu meningkatkan ekonomi tempatan dan menyumbang kepada pembangunan mampan kawasan.

**Kata kunci:** Kubu Margherita; Bangunan Bersejarah; Destinasi Pelancongan; Sektor Pelancongan; Persepsi Pelawat

**Cite as:** Shaik Hussain, S.A., Abdullah, A.S., Seblie, A.R. (2023). Visitors' Perception of Fort Margherita as a Visitor Destination in Kuching. *Asian People Journal*, 6(1), 13-22.

## PENGENALAN

Kubu Margherita merupakan salah satu bangunan bersejarah yang masih lagi dipelihara sehingga kini. Kubu Margherita ini adalah kubu pertahanan yang dibina pada zaman penjajahan British lagi. Kubu Margherita ini merupakan kubu pertahanan yang baik kerana kedudukannya kubu berhadapan dengan Sungai Sarawak dan berada di kawasan yang tinggi memudahkan untuk melihat musuh dari pelbagai sudut bangunan kubu. Menurut Helbat (2016) mengatakan bahawa kubu yang dibina mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Kebanyakan kubu yang dibina oleh penduduk tempatan dijadikan sebagai pertahanan kepada diri mereka daripada serangan penjajah. Menurut Burhan (2014), menyatakan bahawa Kubu Margherita mendapat nama daripada isteri kesayangan Charles Brooke iaitu Margaret Alice Lili de Windt. Menurut Teh (2018), Margaret Alice Lili de Windt merupakan seorang permaisuri yang amat mengasihi rakyatnya. Margaret Alice Lili de Windt juga dikenali sebagai ibu Sarawak kepada penduduk di Sarawak kerana sifatnya yang sangat prihatin dan baik. Berdasarkan Ogilvy (2017) menyatakan Kubu Margherita kurang menyerlah untuk menjadi salah satu tempat tarikan pengunjung di Kuching yang mendorong pengkaji untuk menjalankan penyelidikan ini. Permasalahan ini terjadi kerana kebanyakan generasi pada masa kini tidak tertarik untuk mengunjungi tempat bersejarah. Walaupun tempat bersejarah tersebut berada di tempat asal mereka sendiri, mereka lebih cenderung ke arah pemodenan berbanding sejarah.

Menurut Khalik (2016) mengatakan Kubu Margherita bukan hanya dikenali sebagai benteng pertahanan tetapi dikenali sebagai pengawal pintu Kuching disebabkan struktur bangunan kubu yang sangat strategik mampu melihat keseluruhan bandar Kuching pada masa itu dan menjadi suatu tinggalan yang sangat berharga namun berlakunya kekurangan strategi pengurusan menyebabkan daya tarikan ke tempat bersejarah seperti Kubu Margherita bukanlah sesuatu yang senang (Helbat, 2016). Terdapat pembangunan di sekitar lokasi kajian terutamanya di kawasan Waterfront, Kuching yang menyebabkan pengunjung lebih berminat berkunjung ke Waterfront, Kuching. Pembinaan Jambatan Darul Hana juga menyebabkan Kubu Margherita kini kurang dikunjungi oleh pengunjung tempatan. Manakala, lokasi Kubu Margherita yang terletak jauh dari bandar menyebabkan pengunjung yang datang berkunjung ke Kuching tidak mengetahui kewujudan kubu ini.


**Kubu-kubu di Malaysia**

Berdasarkan penerangan daripada Helbat (2016) mengatakan bahawa kubu-kubu yang dibina mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Kebanyakan kubu yang dibina oleh penduduk tempatan dijadikan sebagai pertahanan kepada diri mereka daripada serangan penjajah. Selain itu, masyarakat pada zaman dahulu hanya mengharapkan kubu sebagai benteng pertahankan kepada kawasan penempatan mereka daripada diserang penjajahan. Kubu juga dilengkapi dengan senjata dan penjaga kubu yang bertanggungjawab untuk mengesan kehadiran musuh. Penjajah yang telah membina kubu pertahanan di tanah Melayu ialah British, Portugis, Belanda, Eropah dan Jepun. Kubu yang dibina kebiasaannya berada di tempat tinggi kerana mempunyai tahap keselamatan yang tinggi dalam melihat keberadaan musuh.

**Kubu Di Sarawak**

Menurut Jalal (2014), Sarawak adalah negeri terbesar di Malaysia. Sarawak menyimpan pelbagai khazanah sejarah yang menjadi bukti pemerintahan Jepun sekitar tahun 1940-an dahulu. Pembinaan kubu memainkan peranan penting sebagai pertahanan, pusat pentadbiran serta menjadi pusat mahkamah di kawasan masing-masing. Kebiasaannya, pembinaan kubu berdekatan dengan tebingan sungai, muara sungai dan di kawasan tanah tinggi kerana kawasan ini strategik untuk melindungi sesebuah kawasan daripada serangan musuh. Oleh itu, setiap struktur, reka bentuk membuktikan betapa kuatnya pengaruh Inggeris di Sarawak pada zaman penjajahan tersebut.

Antara kubu yang masih lagi berdiri teguh di Sarawak adalah Kubu Alice yang terletak di Sri Aman dan kubu yang tertua di Sarawak iaitu Kubu Emma yang terletak di Kanowit. Kubu Alice juga merupakan kubu yang tertua di negeri Sarawak dan dibina pada tahun 1864. Kubu Alice terletak di tengah-tengah Bandaraya Sri Aman menyebabkan kubu tersebut menjadi tarikan utama pengunjung berkunjung ke Sri Aman. Kubu ini yang terletak di atas bukit tebingan Sungai Batang Lupar. Menurut Isa (2014) mengatakan bahawa kubu ini telah dibangunkan sebagai Muzium Warisan Dunia kerana mempunyai nilai estetika yang tinggi. Menurut Christmas (2017) menyatakan bahawa Kubu Emma mendapat nama dari adik perempuan Rajah Brooke iaitu Emma dan kubu ini dibina pada tahun 1851. Kubu ini terletak di Kanowit, Sibul Sarawak. Kubu Emma ini dibina di atas bukit yang berhampiran pinggir sungai rajang. Kubu Emma ini merupakan kubu pertahanan Rajah Brooke yang digunakan mempertahankan diri daripada serangan masyarakat peribumi iaitu masyarakat iban dan melanau di Kanowit. Selepas tamat peperangan, orang iban dan orang melanau telah berjaya menawan kubu ini dan bangunan ini telah menjadi bangunan bersejarah di Kanowit.



Rajah 1: Senarai kubu di Sarawak

**Kubu**


Kubu atau ‘Fort’ dalam bahasa Inggeris merupakan kota pertahanan yang dijadikan sebagai benteng pertahanan kepada sesebuah kerajaan pada zaman dahulu. Kubu juga dikatakan sebagai sebuah istana kota yang dibina di wilayah tertentu untuk menunjukkan kekuatan dan kemegahan kerajaan yang memerintah di wilayah tersebut. Kubu yang dahulunya mempunyai binaan yang tinggi dan kukuh untuk menghalang serangan dari pihak lawan. Misalnya, Tembok Besar China, Kota A Famosa dan Kubu Margherita serta Kubu Alice yang terdapat Sarawak menjadi bukti ketahanan dan kekuatan kubu tersebut.

Menurut Phorio (2017) memerikan bahawa kubu adalah bangunan ketenteraan yang mempunyai dinding pertahanan yang tinggi dan kukuh yang dibina dengan menggunakan batu-batu sehingga membentuk sebuah bangunan yang sangat tinggi. Tujuan kubu ini dibina untuk pertahanan atau perlindungan kota atau kawasan yang telah ditakluki. Kubu juga sebuah binaan yang tidak mudah untuk dimusnahkan kerana mempunyai dinding konkrit yang sangat tebal. Namun, menurut Halid (2016) menjelaskan bahawa terdapat pelbagai jenis senjata yang digunakan oleh penjajah British dan Jepun sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Senjata yang paling utama yang digunakan iaitu meriam yang berada di sebalik kubu konkrit yang dibina. Pada masa kini kubu merupakan saksi sejarah kepada masyarakat terhadap pertempuran berdarah pada zaman penjajahan British dan Jepun di Tanah Melayu.

Menurut Mokhtar dan Kosman (2019) mengatakan bahawa kubu lengkap dengan peralatan senjata yang kuat dan angkatan tentera yang terlatih. Kubu juga mempunyai pengawal bersenjata yang ditugaskan untuk menjaga keamanan di sekitar kubu. Selain itu, keistimewaan kubu adalah dibina dari tanah dan batu yang mempunyai daya kekuatan yang tinggi untuk berlindung. Oleh itu, setiap kubu yang dibina mampu bertahan sehingga bertahun-tahun lamanya kerana bahan yang digunakan adalah datang dari sumber hutan semula jadi. Misalnya, Kubu Margherita yang dibina oleh Rajah British iaitu Charles Brooke sehingga masih lagi berdiri teguh dan menjadi bukti sejarah di Sarawak.

**Persepsi Dari Segi Visual**

Menurut Pratiwi et al. (2019) mengatakan persepsi merupakan satu proses bermula dari penglihatan yang membentuk tanggapan dalam diri sendiri sehingga menyebabkan individu peka terhadap persekitaran melalui deria rasa. Persepsi juga memberikan impak yang positif dan negatif kepada objek yang berlainan, walaupun diberikan objek yang sama. Ini menyebabkan bahawa persepsi seseorang berbeza.



Rajah 2: 5A Destinasi pelancongan

Menurut Tourism Western Australia (2008) menyatakan bahawa terdapat lima komponen yang penting dalam sesebuah destinasi. Ini kerana apabila seseorang mengembara atau melancong, mereka akan pergi ke destinasi yang tertentu yang memberikan kepuasan kepada diri mereka. Oleh itu, sesebuah pelancongan tidak akan ada tanpa sebuah destinasi tersebut. Menurut Camilleri (2018) menjelaskan bahawa 5A merupakan elemen asas kepada sesebuah destinasi pelancongan. Elemen 5A terdiri daripada *Attractions, Accommodation, Access, Activities* dan *Amenities*.

#### ***Attractions (Tarikan)***

Pelancong yang memilih destinasi untuk melakukan perjalanan akan biasanya melihat kualiti perkhidmatan yang ditawarkan dari segi apa yang mereka lihat, dapat dilakukan serta pengalaman. Oleh itu, elemen yang menarik seseorang ke destinasi tertentu dikenali sebagai *attractions* (tarikan). Tarikan ini terletak kepada keunikan semula jadi, nilai kebudayaan, tapak warisan sejarah, seni dan kraf tangan serta tarian tradisional yang memberikan pengalaman berharga kepada pelancong itu sendiri.

#### ***Access (Akses)***

Akses penting dalam sesebuah destinasi untuk membolehkan pelancong dapat mencapai destinasi tertentu dengan mudah. Ini merujuk kepada infrastruktur pengangkutan dan pengangkutan untuk sampai ke destinasi dan di destinasi. Pelancong yang mengunjungi destinasi hanya untuk mencari keselesaan perjalanan tanpa ada sebarang kerumitan.

#### ***Accommodation (Penginapan)***

Setiap pelancong yang akan memerlukan tempat tinggal dan berehat. Penginapan amat penting bagi setiap destinasi pelancongan kerana melalui penginapan, pelancong akan berasa puas dan selesa ketika melakukan aktiviti melancong. Pelancong akan mencari penginapan yang bersih dan selesa serta mempunyai harga yang berpatutan.

#### ***Amenities (Kemudahan)***

Kemudahan destinasi ini merupakan salah satu elemen yang memainkan peranan yang penting dalam sesebuah destinasi. Kemudahan yang ada pada destinasi akan memudahkan perjalanan seseorang ketika sedang melancong. Kemudahan termasuk kemudahan pertukaran mata wang asing, perkhidmatan kecemasan, kemudahan komunikasi, kemudahan bekalan elektrik dan air dan sebagainya..

#### ***Activity (Aktiviti)***

Setiap destinasi pelancongan akan mempunyai aktiviti yang tersendiri yang memberikan keinginan kepada seseorang pelancong ketika melancong. Aktiviti yang terdapat pada destinasi tertentu merupakan salah satu tarikan tambahan selain daripada keunikan flora dan fauna tersebut. Aktiviti ini termasuk pusat membeli-belah, restoran makanan, kemudahan rekreasi untuk bersukan dan sebagainya yang menjadi faktor kedatangan pelancong ke destinasi pelancongan.

#### ***Pengertian Destinasi***

Menurut Beritelli (2009) mendefinisikan destinasi merupakan kawasan geografi yang diduduki oleh sekumpulan manusia sejak dari dulu lagi menawarkan pelbagai perkhidmatan dan infrastruktur dalam pakej pelancongan. Selain itu, menurut Ramli (2017) menyatakan bahawa konsep destinasi dilihat berdasarkan tiga unsur iaitu lokasi atau keberadaan satu tempat itu, terdapat identiti atau ciri unik yang menjadi simbolik terhadap sesuatu tempat dan emosi perasaan terhadap tempat tersebut. Rumusnya, kedudukan geografi, sejarah dan warisan yang

digabungkan membolehkan sesuatu tempat tersebut dikunjungi dan dinikmati oleh masyarakat sekitarnya dengan kos yang tertentu.

Menurut Tourism Malaysia (2014) menyatakan bahawa terdapat Risalah Pakej Pelancongan 1001 Cuti-cuti 1 Malaysia (CCIM) telah dibuat oleh Tourism Malaysia bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014 untuk menarik lebih ramai lagi pelancong domestik dan antarabangsa untuk datang melancong ke Malaysia. Selain itu, risalah ini dapat menjadi panduan dalam memilih destinasi yang mereka minati. Risalah ini juga menjadi faktor pemilihan destinasi pelancong kerana terdapat pelbagai destinasi yang ditawarkan dan produk pelancongan untuk menggalakkan percutian secara terancang kepada para pelancong domestik dan antarabangsa.

## METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian deskriptif. Menurut McCombes (2019) menyatakan bahawa penyelidikan deskriptif adalah bertujuan untuk memberikan gambaran secara tepat dan sistematik terhadap keadaan, populasi, dan fenomena. Seterusnya, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dalam menjalankan kajian ini. Kaedah kuantitatif merupakan kaedah yang berkaitan dengan nombor dan statistik. Pengkaji turut menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk menganalisis data yang terdapat pada borang soal selidik.

Borang soal selidik yang diedarkan sebanyak 384 borang selidik kepada responden yang berada di sekitar Kubu Margherita dan diedarkan secara rawak. Penyelidikan ini menggunakan kajian rintis ini merupakan kajian kecil yang dilakukan untuk membantu dalam mereka bentuk soalan. Kajian rintis ini juga dapat membantu untuk mengenal pasti kelemahan soalan semasa kajian ini dilakukan.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan hasil data daripada responden mengenai persepsi terhadap Kubu Margherita sebagai destinasi kunjungan di Kuching dan memberikan jawapan kepada persoalan kajian pengkaji serta mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Jadual 1: Taburan silang antara negeri asal dengan kubu yang masih mengekalkan gaya sebuah istana kota Inggeris

Negeri Asal	Merupakan salah satu kubu yang masih lagi mengekalkan gaya sebuah istana kota Inggeris.		
	Positif	Negatif	Jumlah
Sarawak	320	60	380
Semenanjung Malaysia	2	1	3
Wilayah Persekutuan Labuan	0	1	1
Jumlah	322	62	384

Jadual 1 menunjukkan taburan silang antara negeri asal dengan merupakan salah satu kubu yang masih lagi mengekalkan gaya sebuah istana kota Inggeris. Responden dari negeri Sarawak rata-rata memberikan respons yang positif iaitu 84% menyatakan Kubu Margherita salah satu kubu yang masih lagi mengekalkan gaya sebuah istana kota Inggeris. Hasil dapatan kajian mendapati responden yang berasal dari Sarawak peka terhadap gaya bangunan Kubu Margherita seperti sebuah istana kota Inggeris. Seterusnya, 16% responden Sarawak memberikan respons yang negatif kemungkinan responden tidak mengetahui bentuk sebenar bangunan Kubu Margherita tersebut. Responden dari Semenanjung Malaysia mencatatkan sebanyak 70% yang memberikan respons yang positif manakala 30% memberikan respons yang negatif. Responden dari Wilayah Persekutuan Labuan hanya memberikan respons yang negatif iaitu sebanyak 100% tidak mengetahui bahawa Kubu Margherita merupakan kubu yang mengekalkan gaya sebuah istana kota Inggeris. Tuntasnya, responden yang hanya berasal dari Sarawak mengetahui bahawa Kubu Margherita adalah salah satu kubu yang masih mengekalkan gaya sebuah istana kota Inggeris berbanding dengan responden yang bukan berasal dari Sarawak. Demikian itu, pengekal gaya sebuah istana kota Inggeris mempengaruhi pengunjung untuk berkunjung di Kubu Margherita. Hasil daripada dapatan kajian ini, terbukti Kubu Margherita masih mendapat tumpuan daripada pengunjung kerana keaslian dan nilai sejarah.

Jadual 2: Taburan silang antara gambaran imej Kubu Margherita di paparan skrin di sekitar Kuching dengan kedudukan kubu yang strategik

		Mengetahui kubu melalui media elektronik seperti radio.		
		Positif	Negatif	Jumlah
Umur	15-20 tahun	61	71	132
	21-25 tahun	12	13	25
	26-30 tahun	16	48	64
	31-35 tahun	22	43	65
	36-40 tahun	8	31	39
	41-45 tahun	7	18	25
	46-50 tahun	3	18	21
	51-55 tahun	0	2	2
	56-60 tahun	1	7	8
	61 tahun dan ke atas	1	2	3
Jumlah		131	253	384

Berdasarkan dapatan kajian mengikut jadual di atas, responden yang merekodkan sangat setuju dengan kedudukan kubu yang strategik berada di tebingan sungai Sarawak iaitu sebanyak 94% yang memberikan respons positif terhadap penyediaan gambaran imej Kubu Margherita di paparan skrin. Manakala, sebanyak 56% responden memberikan respons yang negatif terhadap penyediaan gambaran imej Kubu Margherita di paparan skrin di sekitar Kuching. Oleh demikian itu, kemungkinan responden tidak mengetahui kewujudan gambaran imej pada paparan skrin. Kesimpulannya, pihak pengurusan harus menitikberatkan pengurusan pemasaran sepenuhnya agar dapat menarik lebih ramai pengunjung.

Jadual 3 menunjukkan taburan silang antara umur dengan mengetahui kubu melalui media elektronik seperti radio. Responden yang berumur 15 hingga 20 tahun memberikan respons yang positif iaitu 46%. Manakala responden yang memberikan respons yang negatif iaitu sebanyak 54%. Responden berumur 31 hingga 35 tahun

mencatatkan 34% yang memberikan respons yang positif kemungkinan mereka masih lagi menggunakan media elektronik seperti radio. Seterusnya, responden yang memberikan respons yang negatif iaitu 65%. Seterusnya, responden yang berumur 36 hingga 40 tahun mencatatkan 21% yang memberikan respons yang positif. Sebanyak 79% responden yang memberikan respons yang negatif. Rata-rata responden memberikan respons negatif kerana mereka tidak mengetahui Kubu melalui media elektronik seperti radio. Kesimpulannya, responden lebih tertumpu kepada media massa terkini yang berbentuk *online* seperti websites, blog, berita atas talian dan sebagainya berbanding dengan media massa yang lama.

Jadual 3: Taburan silang antara umur dengan mengetahui Kubu melalui media elektronik seperti radio

			Menyediakan gambaran imej Kubu Margherita di paparan skrin di sekitar Kuching.		
			Positif	Negatif	Jumlah
<b>Kedudukan Kubu yang strategik iaitu berada di tebingan Sungai Sarawak.</b>	Sangat setuju	168	10	178	
	Setuju	143	6	149	
	Tidak pasti	41	3	44	
	Tidak setuju	9	1	10	
	Sangat tidak setuju	3	0	3	
<b>Jumlah</b>		<b>364</b>	<b>20</b>	<b>384</b>	

#### ***Cadangan kepada pengkaji akan datang***

Cadangan kepada pengkaji yang akan datang, mereka boleh menjalankan kajian yang lebih mendalam pada masa yang akan datang supaya Kubu Margherita ini boleh dikenali oleh pelancong dan dapat membantu meningkatkan sektor pelancongan di Sarawak. Pada masa yang sama Kubu Margherita ini juga dapat dijadikan sebagai tempat untuk menjalankan acara seperti karnival, festival serta sambutan kemerdekaan di dan sebagainya supaya orang ramai dapat mengetahui lokasi Kubu Margherita ini. Selain itu, pengkaji yang akan datang perlu menitikberatkan kategori responden supaya data yang diperolehi lebih menarik.

Seterusnya, terdapat beberapa perkara yang pengkaji tidak dapat dihuraikan dengan lebih terperinci. Oleh itu, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan kajian kepada pengkaji yang akan datang:

1. Strategi penggunaan teknologi *Augmented reality* (Ar) terhadap artifak di dalam Kubu Margherita.
2. Pengaruh media sosial dalam mempromosikan Kubu Margherita sebagai tempat pelancongan.

#### ***Cadangan kepada pihak pengurusan***

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap persepsi pengunjung terhadap Kubu Margherita sebagai destinasi kunjungan di Kuching terdapat cadangan dalam menarik perhatian pengunjung untuk berkunjung ke Kubu Margherita pada masa yang sama dapat meningkatkan jumlah kedatangan pengunjung pada setiap masa. Pihak pengurusan harus menitikberatkan kepada penggunaan laman sesawang *trip advisor* dalam mempromosi dan memberikan maklumat mengenai Kubu Margherita supaya pengunjung dapat mengetahui kewujudan Kubu Margherita sebagai destinasi kunjungan. Seterusnya, pengiklanan terhadap Kubu Margherita sepatutnya dilakukan secara meluas dan lebih fokus kepada media massa atas talian.

Pihak pengurusan perlu menyediakan lawatan berpandu (*Guided tour*) kepada pelancong yang datang ke Kubu Margherita supaya pengunjung dapat memperolehi maklumat yang lebih jelas ketika mengunjungi. Ini akan membuatkan pengunjung lebih berminat untuk mengetahui sejarah yang terdapat di dalam kubu melalui Galeri Brooke tersebut. Seterusnya, pihak pengurusan juga harus menggunakan teknologi *Augmented Reality* (AR) untuk mengakses maklumat ketika pengunjung berkunjung ke Kubu Margherita supaya pengunjung dapat merasakan pengalaman yang luar biasa ketika menggunakan teknologi ini. Teknologi *Augmented Reality* (AR) ini dapat dilihat mempunyai potensi untuk menggalakkan pengunjung belajar dan memperolehi maklumat di dalam persekitaran yang autentik.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan untuk menyediakan gambaran imej mengenai Kubu Margherita di paparan skrin yang terdapat di sekitar Bandaraya Kuching supaya pengunjung dapat mengetahui kewujudan Kubu Margherita ini sebagai tempat yang boleh dikunjungi selain daripada tempat-tempat yang menarik di sekitar Kuching. Ini akan mempertingkatkan lagi jumlah kedatangan pengunjung ke Kubu Margherita. Selain itu, pihak pengurusan juga harus menitikberatkan menyediakan papan tanda arah untuk ke Kubu Margherita dari Bandaraya Kuching terutamanya di sekitar Waterfront, Kuching supaya pengunjung dapat mengetahui keberadaan lokasi Kubu Margherita ini kerana pengkaji mendapati bahawa Kubu Margherita jauh dari kawasan Bandaraya. Ini menyebabkan kubu kurang mendapat perhatian untuk dikunjungi. Dengan adanya papan tanda arah ini akan memberikan motivasi pengunjung untuk berkunjung ke Kubu Margherita.

## KESIMPULAN

Kubu Margherita, yang terletak di Kuching, Sarawak, adalah salah satu contoh kubu bersejarah yang telah memainkan peranan penting dalam sejarah Malaysia. Kubu ini dibina pada tahun 1879 oleh Charles Brooke, Raja kedua Sarawak, sebagai benteng pertahanan terhadap ancaman pencerobohan dan pencerobohan laut yang kerap terjadi pada masa itu. Namun, seiring dengan berjalannya waktu, kubu ini juga menjadi lambang kekuatan dan kebesaran Kerajaan Brooke. Selain itu, kubu ini juga menjadi simbol kemakmuran kawasan tersebut pada masa itu. Menurut Helbat (2016), kubu-kubu yang dibina mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Kebanyakan kubu yang dibina oleh penduduk tempatan dijadikan sebagai pertahanan kepada diri mereka daripada serangan penjajah. Selain itu, masyarakat pada zaman dahulu hanya mengharapkan kubu sebagai benteng pertahankan kepada kawasan penempatan mereka daripada diserang penjajahan. Kubu juga dilengkapi dengan senjata dan penjaga kubu yang bertanggungjawab untuk mengesan kehadiran musuh.

Kubu Margherita ini merupakan bangunan bersejarah di Sarawak yang telah disenaraikan di bawah Ordinan Warisan Bandaraya Sarawak 1993 kerana kubu ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan menjadi mercu tanda kepada penduduk di Sarawak. Selain itu, kubu ini tidak hanya dikenali sebagai benteng pertahanan tetapi juga dikenali sebagai pengawal pintu Kuching disebabkan struktur bangunan kubu yang sangat strategik mampu melihat keseluruhan bandar Kuching. Menurut hasil analisis taburan silang oleh pengkaji, faktor sejarah dan strategik pemasaran yang menyediakan imej kubu pada paparan skrin di sekitar Kuching dan radio sebagai kaedah pendedahan mengenai Kubu Margherita telah mempengaruhi persepsi pengunjung terhadap Kubu Margherita sebagai destinasi kunjungan. Oleh itu, tindakan memperkenalkan kubu ini kepada orang ramai melalui media sosial dan pengalaman pelancongan yang menarik dapat meningkatkan daya tarikan destinasi ini.

**RUJUKAN**

- Burhan, R. (2014). *Pengurusan koleksi artifak museum Polis Fort Margherita Kuching Sarawak*. [Degree thesis, Universiti Malaysia Sarawak].
- Christmas, N. (2017). *Pengurusan pemuliharaan Kubu Emma di Kanowit, Sarawak*. [Degree thesis, Universiti Malaysia Sarawak].
- Camilleri, M. A. (2018). The Tourism Industry: An Overview. In *Travel Marketing, Tourism Economics and the Airline Product*. Tourism, Hospitality & Event Management. Cham, Switzerland: Springer.
- Dowler, E., Green, J., Bauer, M., & Gasperoni, G. (2006). Assessing public perception: Issues and methods. *Health hazard and public debate: lessons for risk communication from BSE/CJD saga*. Geneva: World Health Organization, 40, 60.
- Helbat, S. (2016). Persepsi pengunjung terhadap Kubu Margherita sebagai destinasi pelancongan. 1-13.
- Halid, S. (2016, Oktober 7). *Kubu bersejarah perang British- Jepun terbiar*. Berita Harian <https://www.bharian.com.my/node/199627>.
- Isa, C. (2014). *Respon penduduk Sri Aman mengenai pembangunan semula kubu Alice untuk dijadikan sebagai muzium warisan*. [Degree thesis, Universiti Malaysia Sarawak].
- Jalal, B. N. M. (2014). *Analisa pengetahuan masyarakat Sarawak tentang kubu-kubu yang terdapat di Sarawak*. [Degree thesis, Universiti Malaysia Sarawak].
- Khalik, A. R. (2016, December 3). Kubu Margherita: Pengawal Bandar Kuching. *Sarawak Voice*. <https://sarawakvoice.com/2016/12/03/kubu-margheritapengawal-bandar-kuching/>.
- Mokhtar, A. N., & Kosman, A. K. (2019). Existence of Melaka Malay (Fort) city based on first painting of A'Famosa by the Portuguse. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering (IJITEE)*, 8(12S2). <http://www.ijitee.org/wp-content/uploads/papers/v8i12S2/L111410812S219.pdf>
- Ogilvy, G. (2017, July 6). Walkway for Fort Margherita. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/metro/community/2017/07/06/walkway-for-fortmargherita-state-to-provide-better-accessibility-to-draw-more-visitors-to-historical/>
- Phorio (2017). *Fortress*. <https://de.phorio.com/definition/8095062449>.
- Pratiwi, E., Sujana, I. N., & Haris, I. A. (2019). Persepsi dan Partisipasi Masyarakat Terhadap Penerapan Program Kerja BUMDES Dwi Amertha Sari di Desa Jinengdalem. *Jurnal Pendidikan Ekonomi Undiksha*, 11(1), 285-295.
- Tourism Western Australia (2010). Tourism development priorities. [https://www.academia.edu/9370582/5\\_As\\_of\\_Tourism\\_Development\\_Nov08](https://www.academia.edu/9370582/5_As_of_Tourism_Development_Nov08)
- Tugong, A. (2014, September 5). Kubu Margherita jadi Galeri Brooke. *Pressreader*. <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sarawak/20140905/281560878983947>
- Teh, A. L. S. (2018, May 13). The Queen Mother of Sarawak. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/lifestyle/sundayvibes/2018/05/368979/queen-mother-sarawak>.